

NO. SOALAN: 66

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 11 JUN 2015

RUJUKAN : 7950

SOALAN:

**Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [ShahAlam] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan adakah kumpulan penunjuk perasaan di
depan salah sebuah gereja Taman Medan Petaling Jaya akan didakwa di
bawah Akta Hasutan.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius tentang kejadian-kejadian jenayah yang berlaku, siasatan akan dijalankan tidak mengira sama ada ianya dilakukan oleh pihak individu berpengaruh atau sebaliknya. Berhubung dengan isu perhimpunan untuk membantah kewujudan gereja di kawasan Taman Medan di Metro Square Taman Medan, Petaling Jaya pada 20 April 2015, dalam kejadian tersebut terdapat lebih kurang 40 orang telah hadir dan berkumpul di kawasan tersebut. Pihak polis menjalankan siasatan berkait Petaling Jaya Repot 5415/2015 dan telah mengklasifikasikan kes berkenaan sebagai cubaan mencerooh bangunan bawah Seksyen 448/511 Kanun Keseksaan.

Pihak polis dalam proses untuk melengkapkan siasatan serta mengumpul bukti-bukti sebelum Kertas Siasatan diedarkan kepada pihak Pejabat Peguam Negara untuk tindakan lanjut sama ada bersetuju dengan cadangan pihak polis atau sebaliknya.